

Dr. M cadangkan MARA beri pendidikan etika

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Dato' Sri Mahathir Mohamad mencadangkan MARA supaya memberi pendidikan etika selama enam bulan hingga setahun kepada penuntut yang ingin mendapatkan biasiswa atau memasuki mana-mana institusi pendidikan di bawahnya.

Menurut Perdana Menteri, keputusan yang cemerlang dalam pendidikan tidak penting, sebaliknya yang penting sekali ialah nilai etika yang mereka amalkan.

"Justeru itu, mereka yang mendapat kelulusan yang tinggi pun mesti diperiksa terlebih dahulu tentang sikap dan penerimaan mereka mengenai nilai-nilai hidup yang sesuai dengan pemiagaan," katanya semasa berucap merasmikan sambutan perayaan ulangtahun ke-25 MARA di sini hari ini.

Menurut beliau, sekiranya penuntut itu berpendapat mereka tidak perlu patuh kepada etika-etika kerja dan pemiagaan, mereka harus dianggap tidak sesuai dan harus diberhentikan walaupun mendapat keputusan yang cemerlang.

Katanya, etika lebih penting kerana terdapat ramai usahawan bukan bumiputera yang berjaya dan kaya raya, tidak termasuk dalam golongan mereka yang berkelulusan tinggi.

"Ini kerana kecekapan pemiagaan tidak bergantung kepada berapa 'A' yang diperolehi, apa yang lebih penting ialah memahami cara-cara dan etika pemiagaan," jelas beliau.

Walaupun begitu, kata Perdana Menteri, etika juga perlu dan mereka yang ber-

kenaan perlu menumpukan perhatian kepada pelajaran masing-masing.

"Kalau kita berpendapat bahawa pelajaran ini tidak penting, kita jangan masuk, jangan ganggu," katanya sambil memberi contoh penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) untuk memberi pelajaran kepada bumiputera dalam berbagai bidang.

Malangnya, kata beliau, mereka yang masuk ke ITM pada suatu ketika dahulu, lebih mengutamakan kegiatan membetul fikiran kerajaan seperti melalui demonstrasi.

"Bukan main lagi mereka... pada satu ketika ITM menjadi masalah kerana Reraiaan sedangkan kita tubuhkannya untuk menolong mereka," katanya sambil menyorot kembali sejarah penubuhan ITM yang bermula dari sebuah badan untuk memberi biasiswa kepada bumiputera yang ingin menjadi jurutrengkas.

Beliau menambah, daripada situ, ITM terus berkembang dan mempunyai berpuluh-puluh ribu penuntut yang dibiayai oleh ratusan juta ringgit wang kerajaan setiap tahun.

"Balasannya, mereka anggap kerajaan ini tidak tahu bagaimana hendak memerintah negara dan mereka, yang berumur cuma 18 tahun dan 19 tahun lebih tahu lagi," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, mereka tidak menumpukan kepada pelajaran dan memperbaiki diri mereka supaya boleh bersaing dengan orang lain, sebaliknya membuang masa dan wang rakyat untuk kegiatan yang tidak ada kaitan.

an yang tidak ada kaitan.

"Kalau kita nak sekolah untuk demonstrasi, okey, kita boleh beri perbelanjaan... sekolah latihan cara-cara berdemonstrasi. Kalau kita buat ITM untuk belajar bidang-bidang tertentu, kita belajarlah," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, ada juga penuntut yang beranggapan kegiatan keagamaan tidak cukup di ITM dan mereka tumpukan kepada kegiatan lain yang dicipta' oleh orang-orang tertentu supaya tidak ada tumpuan kepada pelajaran sehingga menyebabkan pencapaian mereka tidak seperti yang diharapkan.

"Kalau mereka hendak belajar dalam bidang agama, kita boleh adakan sekolah agama... sama ada mereka boleh dapat kerja atau bemiaga di kemudian hari, itu soal lain," ujanya sambil berkata, ITM ditubuhkan cukup dengan peruntukan masa untuk agama serta jurusan-jurusan lain.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan tidak perlu kepada pensyarah - pensyarah yang menokok-tambah bidang yang tidak ada dalam peruntukan program pendidikan di institusi pengajian tinggi.

Beliau berpendapat, gejala itu juga merupakan salah satu faktor mengapa pencapaian bumiputera lemah.

Mengenai sambutan perayaan ulangtahun ke-25 MARA, Perdana Menteri berkata, ia baik untuk bumiputera mengetahui asal-usul mereka bagi merancang arah masa depan.